



GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO

**JABATAN / BAHAGIAN PELESENAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI JOHOR**

TERBITAN 01 NOVEMBER 2022

1. OBJEKTIF

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara permohonan Lesen Perniagaan Tidak Berisiko bagi aktiviti perniagaan secara dalam premis tetap di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

2. SKOP PELESENAN

Kategori dan definisi Lesen Perniagaan Tidak Berisiko ialah:

Kategori	Definisi	Tempoh Kelulusan	Senarai Lesen Perniagaan Tidak Berisiko
Lesen Perniagaan Tidak Berisiko	Jenis perniagaan yang tidak memberi impak kepada sosial dan alam sekitar. Lesen Perniagaan Tidak Berisiko tidak memerlukan ulasan dan sokongan daripada jabatan / agensi kerajaan yang lain untuk memulakan operasi.	Satu (1) hari bekerja	Sebagaimana Lampiran III

*** Tempoh kelulusan berdasarkan penerimaan borang dan dokumen permohonan yang lengkap dan teratur

3. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti perniagaan yang dilesenkan adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi pemakaian dan penguatkuasaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

4. KUASA MELULUS

BANDARAYA	PERBANDARAN	MAJLIS DAERAH
Datuk Bandar	Yang Dipertua	Yang Dipertua
Setiausaha	Setiausaha	Setiausaha
Ketua Jabatan (Gred : 41 dan ke atas)	Ketua Jabatan (Gred : 41 dan ke atas)	Ketua Jabatan (Gred : 41 dan ke atas)
PPT (Gred : 29 dan ke atas)	PPT (Gred : 29 dan ke atas)	PPT (Gred : 29 dan ke atas)
PPKP (Gred : 29 dan ke atas)	PPKP (Gred : 29 dan ke atas)	PPKP (Gred : 29 dan ke atas)

PENYEDIA (Petugas kaunter) : PT (Gred : 19 / 22)

NOTA PENTING :

Penyelarasan bagi penurunan kuasa daripada Datuk Bandar / Yang Dipertua hendaklah dilaksanakan oleh setiap PBT berkenaan

Kelulusan adalah diperingkat penurunan kuasa dan hanya akan dimaklumkan ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa

5. TAFSIRAN TEMPOH KELULUSAN SATU (1) HARI BEKERJA

- a) Maksimum 24 jam waktu bekerja dari tempoh penerimaan borang permohonan yang lengkap dan teratur.
- b) Pematuhan syarat-syarat asas permohonan.
- c) Dokumen sokongan disertakan.
- d) Terhad kepada kategori Lesen Perniagaan Tidak Berisiko sebagaimana keadaan berikut :
 - i. Status tanah dan/atau zon guna tanah bagi premis perniagaan pemohon adalah yang dibenarkan berdasarkan jenis perniagaan.
 - ii. Tiada sebarang bentuk pengubahsuaian utama dilakukan ATAU kelulusan ubahsuaian daripada Jabatan / Bahagian Kawalan Bangunan PBT telah diperolehi.
 - iii. Tiada sebarang isu atau masalah berkaitan dokumen yang boleh menimbulkan sebarang keraguan.

6. FI PROSES

- i. Premis Perniagaan & Iklan : RM 50.00
- ii. Premis Industri / Kilang & Iklan : RM 300.00

7. LARANGAN AKTIVITI

Bil.	Aktiviti
i.	Menjual barang berkaitan rokok elektronik atau ‘vape’ atau e-Rokok
ii.	Menjual barang berkaitan shisha
iii.	Menjual barang cetak rompak
iv.	Pusat Kafe Siber
v.	Mana-mana aktiviti yang telah ditetapkan sebagaimana dasar PBT berkenaan.

8. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Bil.	Syarat Asas Permohonan
i.	Berumur 18 tahun ke atas
ii.	Melengkapkan dan mengemukakan Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan & Iklan yang lengkap berserta dokumen asas permohonan

9. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN

Bil.	Dokumen Asas Permohonan	Keperluan
i.	Kad Pengenalan /Pasport / Dokumen Pengenalan yang sah	Satu (1) salinan
ii.	Salinan Pendaftaran Perniagaan / Syarikat (Memorandum & Artikel, Borang 24, Borang 49 dan Borang 13 (jika berkaitan))	Satu (1) salinan
iii.	Gambar berwarna bahagian hadapan dan dalam premis perniagaan	Satu (1) salinan
iv.	Lakaran / visual papan iklan yang telah disahkan pihak Dewan Bahasa Pustaka	Satu (1) salinan

LAMPIRAN II

Dokumen Tambahan (Jika Berkenaan)		
v.	Salinan perjanjian sewa (telah dimatikan setem) atau Surat Akuan Bersumpah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah	Satu (1) salinan
vi.	Salinan hak milik tanah/premis	Satu (1) salinan
vii.	Dokumen tambahan yang berkeperluan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil PBT berkenaan.	Satu (1) salinan
Dokumen Yang Perlu Disediakan Selewat-Lewatnya 3 Hari Selepas Kelulusan		
viii	Bukti suntikan <i>Anti Typhoid</i> (TY2) yang masih sah - untuk pengendali makanan / minuman SAHAJA	Satu (1) salinan setiap pengendali
ix.	Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan (Pemohon & Pekerja) - untuk pengendali makanan / minuman SAHAJA	Satu (1) salinan setiap pengendali


10. SYARAT PEMATUHAN KELULUSAN LESEN

- a) Memperbaharui lesen setiap tahun sebelum **31 DISEMBER** tahun semasa.
- b) Memastikan pengedaran udara dan cahaya yang secukupnya bagi premis tersebut.
- c) Menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap, terkini dan tidak luput.
- d) Menyediakan tong sampah yang sesuai dan diiktiraf oleh pihak Majlis. Semua sisa hendaklah dibuang di dalam tong dan **TIDAK** dibuang di dalam mana-mana longkang dan saliran.
- e) Semua peralatan di dalam premis hendaklah disusun dengan kemas. Dilarang meletakkan barang perniagaan di lorong belakang, kaki lima atau di luar kawasan premis tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Majlis terlebih dahulu.
- f) Poster atau notis “JAGA KEBERSIHAN”, “DILARANG MEROKOK” atau “UTAMAKAN KESELAMATAN” hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- g) Semua pekerja **BUKAN WARGANEGARA** wajib memiliki permit yang sah daripada Pihak Berkuasa.

LAMPIRAN II

- h) Pemilik lesen **MESTI** mempamerkan lesen pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki.
- i) Pemohon dan pembantu hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid (TY2) serta pemeriksaan kesihatan dalam tempoh masa tiga (3) hari selepas kelulusan Lesen diperolehi. Buku suntikan hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan dan memastikan suntikan yang diterima masih sah dalam tempoh yang ditetapkan.
- j) Pemilik lesen hendaklah sentiasa menyimpan dan mengemaskini senarai daftar pekerja yang mengandungi nama penuh, nombor kad pengenalan / pasport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon dan lain-lain butiran berkaitan pekerja. Senarai tersebut hendaklah dikemukakan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
- k) Pemilik lesen **MESTI** mengibarkan bendera Negeri Johor & Bendera Malaysia (Jalur Gemilang) apabila diarahkan khususnya pada Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Hari Kebangsaan.
- l) Pemohon dan pengendali makanan hendaklah menyertai kursus pengendalian makanan dalam tempoh masa tiga (3) hari selepas kelulusan Lesen diperolehi. Sijil kursus tersebut hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika menjalankan perniagaan.
- m) Mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa serta lain-lain syarat yang dikenakan PBT atau agensi kerajaan yang lain dari semasa ke semasa. Pelanggaran mana-mana syarat yang dinyatakan boleh mengakibatkan tindakan kompaun dan lesen akan dibatalkan tanpa sebarang notis.

11. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO



12. PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan	Tempoh
Tempoh proses permohonan dan kelulusan Lesen Perniagaan Tidak Berisiko	Maksimum 24 jam / Satu (1) hari bekerja daripada permohonan yang lengkap diterima.

13. SENARAI JENIS PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO

Senarai Jenis Lesen Perniagaan Tidak Berisiko adalah sebagaimana **Lampiran III**. Mana-mana aktiviti perniagaan yang tidak dinyatakan dalam senarai tersebut adalah tertakluk kepada PBT berkenaan bagi diklasifikasi jenis perniagaan berkenaan.

14. BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN & IKLAN

Borang Permohonan Lesen Premis Perniagaan dan Iklan adalah sebagaimana **Lampiran**.


LAMPIRAN
BORANG PERMOHONAN
LESEN PREMIS PERNIAGAAN
& IKLAN

PERMOHONAN LESEN (KEGUNAAN PEJABAT)

- TIDAK BERISIKO (Kelulusan 1 Hari Bekerja)
 BERISIKO

KEGUNAAN PEJABAT	
RUJUKAN FAIL	
NO. AKAUN	

GAMBAR
PEMOHON
BERUKURAN
PASPORT



BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN & IKLAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI JOHOR



ARAHAN

1. Sila isikan borang permohonan ini dengan lengkap, terang dan jelas
2. Tandakan (✓) dalam kotak berkenaan
3. Pastikan **Cukai Taksiran Harta** premis yang hendak dipohon sehingga yang terkini telah dijelaskan

PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA AKAN
DITERIMA UNTUK DIPROSES
(Sila susun dokumen mengikut turutan dan tuliskan
nombor di penjuru atas sebelah kanan dokumen
tersebut)

DIISI OLEH PEMOHON (✓)	(KEGUNAAN PEJABAT) DIISI OLEH PETUGAS KAUNTER
ADA	TIADA

1. Satu (1) salinan Kad Pengenalan/Pasport/Dokumen Pengenalan yang sah
2. Salinan Pendaftaran Perniagaan (SSM)
 - Borang A & D (Enterprise)
 - Akta Syarikat 1965, Borang 9, Borang 24, Borang 49 (Sendirian Berhad)
3. Gambar berwarna keadaan luar (hadapan) dan ruang perniagaan dalam premis perniagaan
4. Lakaran / Visual Papan Iklan yang disahkan pihak DBP

Dokumen-dokumen tambahan (jika berkenaan)

5. Pelan lokasi Perniagaan / Koordinat
6. Surat kelulusan Pelan Bangunan / Permit Bangunan Sementara
7. Surat Kelulusan KM / KMT
8. Salinan Sijil CCC / CFO
9. Salinan Hakmilik / Perjanjian Sewaan / LPS

Syarat bagi permohonan yang melibatkan aktiviti perniagaan makanan dan/atau minuman (wajib dipatuhi dalam tempoh masa 3 hari selepas kelulusan)

10. Salinan Sijil Suntikan TY2 (Pengendali Makanan sahaja)
11. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan

BORANG TELAH DISEMAK OLEH :

Tidak lengkap &
dikembalikan

Lengkap & diterima

.....
(Tandatangan & Cop)

Tarikh :

Ulasan / sokongan / kebenaran daripada jabatan/ agensi jika melibatkan aktiviti perniagaan berkaitan :-

- a) **Menjual racun rumput & pokok serta baja**
 - ✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Jabatan Pertanian** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- b) **Ladang ternakan kuda / ayam / ikan dan lain-lain haiwan**
 - ✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Jabatan Perkhidmatan Veterinar** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- c) **Kedai ubat / menjual ubat tradisional / Perkhidmatan Hemodialisis**
 - ✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Kementerian Kesihatan Malaysia** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- d) **Rawatan tradisional Melayu / Perubatan tradisional Cina / Perubatan tradisional India / Homeopati / Kiropraktik / Osteopati / Amalan Perubatan Islam (BAD)**
 - ✓ Sila daftarkan perniagaan di **Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- e) **Kedai dobi**
 - ✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran **LPG, ATI & ATO** daripada **Suruhanjaya Tenaga** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- f) **Perusahaan Percetakan Kertas**
 - ✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Kementerian Dalam Negeri** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- g) **Jenis perniagaan yang menghasilkan bunyi & bau yang tidak menyenangkan dan berterusan (cth : kimpalan / potong besi / mengetuk kenderaan / bengkel kenderaan / menyalai atau memanggang daging khinzir)**
 - ✓ Tidak dibenarkan beroperasi di premis yang berhampiran perumahan awam
- h) **Pusat tuisyen / Institusi mengajar swasta**
 - ✓ Sila dapatkan sokongan / kebenaran daripada **Pejabat Pendidikan Daerah** terlebih dahulu sebelum membuat permohonan di kaunter
- i) **Segala jenis perniagaan berasaskan perusahaan / kilang**
 - ✓ Hanya dibenarkan beroperasi di kawasan industri kecuali dengan kebenaran Datuk Bandar / Yang Dipertua
- j) **Lain-lain perniagaan / perusahaan yang memerlukan ulasan & sokongan jabatan/agensi**
.....
.....

BAHAGIAN I**MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON / SYARIKAT**

1. Nama Penuh	:									
2. No. Kad Pengenalan	:									
3. Alamat Surat Menyurat	:									
4. No. Tel H/P	Pejabat :			Faks	:					
				E-mail	:					
5. Bangsa	:	<input type="checkbox"/>	Melayu	<input type="checkbox"/>	Cina	<input type="checkbox"/>	India	<input type="checkbox"/>	Lain-lain	(Nyatakan:)
6. Jantina	:	<input type="checkbox"/>	Lelaki	<input type="checkbox"/>	Perempuan					
7. Nama Perniagaan yang didaftarkan	:									
8. No Pendaftaran	:									
9. Alamat Premis Perniagaan	:									
10. Jenis Perniagaan (Tandakan ✓)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Milikan Tunggal (Enterprise) Sendirian Berhad Berhad / Awam Berhad Koperasi Lain-lain (Nyatakan:.....)	11. Kedudukan Premis (Tandakan ✓)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Tepi (Corner / End Lot) Tengah Bangunan Tunggal					
12. Jenis Bangunan (Tandakan ✓)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Kekal Separuh Kekal Sementara	13. Jenis Premis (Tandakan ✓)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Rumah Kedai Komplek Beli Belah Kawasan Industri Gerai Majlis					
14. Masa Perniagaan	:	Dari hingga								
15. Tingkat di mana Premis Beroperasi (Tandakan ✓)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Tingkat Bawah Tanah Tingkat Bawah Tingkat Tara (Mezzanine) Tingkat 1 Tingkat 2 Lain-lain (Nyatakan :.....)	16. Syarat Kegunaan Tanah (Tandakan ✓)	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	Pertanian Bangunan Perniagaan Bangunan Kediaman Institusi Perindustrian Lain-lain (Nyatakan:.....)					
17. Nyatakan Jenis Perniagaan di Premis Berdekatan	:	Kiri	:							
		Kanan	:							
		Belakang	:							
		Atas	:							
		Bawah	:							
18. Ubahsuai bangunan (Tandakan ✓)	:	<input type="checkbox"/>	Ada	<input type="checkbox"/>	Tiada					

BAHAGIAN II

DATA PERNIAGAAN

- #### 1. Aktiviti Perniagaan yang dijalankan:

BIL	AKTIVITI PERNIAGAAN	KELUASAN PREMIS (m ²) / BILANGAN KERUSI* / BILANGAN MURID**

* Bilangan kerusi untuk permohonan lesen kedai gunting rambut

Bilangan murid dan jenis sekolah untuk permohonan lesen kantin sekolah

BAHAGIAN III
LESEN KOMPOSIT HOTEL
(DIISI OLEH PEMOHON BAGI PERNIAGAAN HOTEL SAHAJA)

- | | | | | |
|------------------------|---|-------------|-----|-------|
| 1. Nama & Alamat Hotel | : | <hr/> <hr/> | | |
| 2. No. Telefon | : | Pejabat: | HP: | Faks: |
| 3. Emel | : | <hr/> | | |
| 4. Jumlah Bilik | : | <hr/> | | |

*Sertakan salinan sijil akuan daripada MOTAC

BAHAGIAN IV

MAKLUMAT LESEN PAPAN IKLAN

1. BUTIR-BUTIR IKLAN

SILA LEKATKAN VISUAL IKLAN DI SINI
(SERTAKAN BERSAMA SIJIL DEWAN BAHASA & PUSTAKA)

LAKARAN VISUAL IKLAN

SILA LEKATKAN
GAMBAR HADAPAN & DALAM BANGUNAN PREMIS

GAMBAR PREMIS

BAHAGIAN V
SYARAT-SYARAT SELEPAS KELULUSAN

1. Syarat-syarat pelesenan bagi premis bukan makanan:
 - i. Memperbaharui lesen setiap tahun sebelum **31 DISEMBER** tahun semasa.
 - ii. Memastikan pengedaran udara dan cahaya yang secukupnya bagi premis tersebut.
 - iii. Menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap dan tidak luput.
 - iv. Menyediakan tong sampah yang sesuai dan diiktiraf oleh pihak Majlis. Semua sisa hendaklah dibuang di dalam tong dan **TIDAK** dibuang di dalam mana-mana longkang dan saliran.
 - v. Semua peralatan di dalam premis hendaklah disusun dengan kemas. Dilarang meletakkan barang perniagaan di lorong belakang, kaki lima atau di luar kawasan premis tanpa mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Majlis terlebih dahulu.
 - vi. Menyediakan alat pemadam api secukupnya.
 - vii. Memastikan semua pekerja memakai peralatan keselamatan yang diperlukan.
 - viii. Memastikan aktiviti perniagaan tidak menimbulkan keadaan kacau ganggu kepada persekitaran di kawasan berhampiran.
 - ix. Poster atau notis "JAGA KEBERSIHAN", "DILARANG MEROKOK" atau "UTAMAKAN KESELAMATAN" hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
 - x. Pemasangan papan iklan hendaklah mematuhi syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
 - xi. Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa bersih, selalu dicuci dan segala kerosakan hendaklah dibaiki dengan kadar segera.
 - xii. Pemilik lesen hendaklah memastikan aspek kebersihan premis perniagaan sentiasa di ambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.
 - xiii. Aktiviti perniagaan membaki kenderaan / servis dan yang berkaitan mesti mempunyai "grease trap" (perangkap minyak).
 - xiv. Lesen ini tidak boleh dipindah milik dan disalahguna. Semua pekerja **BUKAN WARGANEGARA** wajib mempunyai permit yang sah daripada Pihak Berkuasa. Sekiranya berlaku pelanggaran syarat sebagaimana yang dinyatakan lesen perniagaan akan dibatalkan dan dirampas tanpa sebarang notis.
 - xv. Memastikan bahawa aktiviti perniagaan & premis perniagaan mematuhi syarat-syarat lesen tersebut daripada jabatan/agensi kerajaan yang lain seperti JBPM, PDRM, Jabatan Kesihatan, KPDNHEP & lain-lain yang berkaitan,
 - xvi. Pemilik lesen MESTI mempamerkan lesen pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian.
 - xvii. Pemilik lesen hendaklah sentiasa menyimpan dan mengemaskini senarai daftar pekerja yang mengandungi maklumat nama penuh, nombor kad pengenalan / pasport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, kelayakan, gambar dan lain-lain butiran berkaitan pekerja. Senarai tersebut hendaklah dikemukakan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
 - xviii. Pemilik lesen **MESTI** mengibarkan bendera Negeri Johor & Bendera Malaysia apabila diarahkan khususnya pada Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Hari Kebangsaan.

2. Syarat-syarat pelesenan bagi premis makanan dan / atau minuman:

- i. Memperbaharui lesen setiap tahun sebelum 31 DISEMBER tahun semasa.
- ii. Kebersihan premis hendaklah diutamakan dengan memastikan kawasan sekelilingnya sentiasa bersih, kemas dan teratur.
- iii. Memastikan pengedaran udara dan cahaya yang secukupnya.
- iv. Menyediakan tong sampah yang sesuai. Dilarang membuang sampah merata-rata samada di luar atau di dalam premis. Penggunaan plastik sampah adalah digalakkan.
- v. Notis atau poster "JAGA KEBERSIHAN, "DILARANG MEROKOK atau "UTAMAKAN KEBERSIHAN" hendaklah dipamerkan di tempat yang bersesuaian dan mudah dilihat.
- vi. Barang-barang di premis hendaklah disusun dengan kemas dan teratur. Dilarang meletak barang-barang di lorong belakang, kaki lima atau di luar kawasan premis tanpa kebenaran pihak Majlis terlebih dahulu.
- vii. Menyediakan peti pertolongan cemas yang lengkap dan sentiasa dikemaskini serta tidak luput.
- viii. Tempat / bekas mencuci tangan hendaklah disediakan. Tandas dan bilik air hendaklah sentiasa dalam keadaan baik dan bersih dan diadakan *glazed tiles* setinggi 5' di sekelilingnya.
- ix. Pastikan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada persekitaran.
- x. Pekerja-pekerja yang tidak sihat dan yang mempunyai penyakit kulit **TIDAK** dibenarkan bekerja.
- xi. Semua peralatan dan perkakas hendaklah berkeadaan baik, bersih dan selamat digunakan.
- xii. Menyediakan alat pemadam api yang secukupnya dan mematuhi syarat-syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh JBPM.
- xiii. Pemilik lesen PERLU memastikan diri dan setiap pekerja dikehendaki mempunyai Buku Suntikan dan mendapat suntikan TY2 di fasiliti kesihatan pada setiap 3 tahun.
- xiv. Pemakaian apron dan penutup kepala yang bersih, kemas dan sempurna diwajibkan kepada semua pengendali makanan pada setiap masa perniagaan.
- xv. Setiap peniaga diwajibkan menghadiri Latihan Pengendalian Makanan dengan jayanya dari Institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum pihak Majlis dapat mengeluarkan atau memperbaharui lesen perniagaan.
- xvi. Semua pekerja hendaklah mengamalkan ciri-ciri kebersihan diri yang baik dan tidak dibenarkan meludah, merokok, batuk, menggaru, dan sebagainya ketika menyedia, memasak atau menghidang makanan.
- xvii. Semua makanan yang telah dimasak dan sedia untuk dijual hendaklah ditutup dan mudah dilihat.
- xviii. Pemilik lesen dikehendaki mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengawal kehadiran haiwan/serangga perosak bawaan vektor seperti lalat, lipas, tikus yang boleh membawa penyakit.
- xix. Mempunyai 'grease trap'(perangkap minyak) yang diperakui oleh pihak Majlis.
- xx. Bukan Warganegara yang bukan beragama Islam **TIDAK** dibenarkan bekerja di premis makanan Islam.
- xxi. Lesen ini tidak boleh dipindahmilik dan disalahguna. Semua pekerja BUKAN WARGANEGARA wajib mempunyai permit yang sah daripada Pihak Berkuasa. Sekiranya berlaku perlanggaran syarat sebagaimana yang dinyatakan lesen perniagaan akan dibatalkan dan dirampas tanpa sebarang notis.

- xxii. Memastikan bahawa aktiviti perniagaan & premis perniagaan mematuhi syarat-syarat lesen tersebut daripada jabatan/agensi kerajaan yang lain seperti JBPM, PDRM, Jabatan Kesihatan, KPDNHEP & lain-lain. Sekiranya berlakunya perlanggaran syarat sebagaimana yang dinyatakan lesen perniagaan akan dibatalkan dan dirampas tanpa sebarang notis.
- xxiii. Pemilik lesen MESTI mempamerkan lesen pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian.
- xxiv. Pemilik lesen hendaklah sentiasa menyimpan dan mengemaskini senarai daftar pekerja yang mengandungi maklumat nama penuh, nombor kad pengenalan / pasport, kerakyatan, alamat tempat tinggal, nombor telefon, kelayakan, gambar dan lain-lain butiran berkaitan pekerja. Senarai tersebut hendaklah dikemukakan apabila dikehendaki oleh Pihak Berkuasa.
- xxv. Pemilik lesen **MESTI** untuk mengibarkan bendera Negeri Johor & Bendera Malaysia apabila diarahkan khususnya pada Hari Keputeraan DYMM Sultan Johor dan Hari Kebangsaan.

BAHAGIAN V
PENGAKUAN PEMOHON

1. Saya bersetuju untuk bayaran lesen perniagaan sebagaimana tempoh berikut (*Tandakan ✓*):
 setahun (1) tahun
 dua (2) tahun
 tiga (3) tahun
2. Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah telus dan benar.
3. Saya berjanji akan menyerahkan semula lesen ini jika didapati maklumat yang diberikan ini tidak benar dan palsu.
4. Saya berjanji mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan sekiranya permohonan ini diluluskan.

(Tandatangan Pemohon
& Cop Syarikat)

Tarikh

LAMPIRAN III

SENARAI JENIS LESEN

PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO

SENARAI JENIS LESEN PERNIAGAAN TIDAK BERISIKO

BIL	JENIS PERNIAGAAN BERDASARKAN UUK	RUJUKAN JABATAN SELEPAS KELULUSAN	SYARAT DOKUMEN TAMBAHAN (DISEDIAKAN SEBELUM PERMOHONAN)
1	Perdagangan tukang besi	PBT/JBPM	
2	Perdagangan tukang timah	PBT/JBPM	
3	Membaiki, mengecat dan servis kenderaan	PBT/JBPM (bagi aktiviti membaiki & servis kenderaan sahaja)	
Perniagaan			
4	Stesyen minyak	PBT/JBPM	
5	Stesyen minyak dan servis	PBT/JBPM	
Kompleks perniagaan / Hypermarket (Bangunan)			
6	Kompleks perniagaan / Hypermarket (Bangunan Kompleks Perniagaan)	PBT/JBPM	
7	Kompleks perniagaan / Hypermarket (Jualan Sebaneka)	PBT/JBPM	
8	Kompleks perniagaan / Hypermarket (Jualan Basah & Beku)	PBT/JBPM	
9	Pasaraya (Kedai)	PBT	
Jualan Barang Pasar oleh Peniaga Individu di Pasar Persendirian/Perniagaan			
10	Menjual sayur-sayuran basah & kering	PBT	
11	Menjual tauhu	PBT	
12	Menjual telur	PBT	
13	Menjual mee	PBT	
14	Menjual kelapa	PBT	
15	Menjual ketam dan kerang	PBT	
16	Menjual ikan	PBT	
17	Menjual daging ayam / itik	PBT	
18	Menjual daging lembu	PBT	
19	Menjual daging kambing	PBT	
20	Menjual daging khinzir	PBT	

LAMPIRAN III

21	Menjual daging khinzir panggang	PBT	
22	Ais	PBT	
23	Pasar Swasta	PBT	
<i>Pasar Mini, Kedai Serbaneka Berhawa Dingin , Mini Mart</i>			
24	Pasar mini - lebih 185 meterpersegi	PBT	
25	Kedai sebaneka (berhawa dingin)	PBT	
26	Mini Mart	PBT	
27	Kedai serbaneka	PBT	
<i>Menjual makanan dan minuman</i>			
28	Restoran	PBT	
29	Restoran makanan segera	PBT	
30	Kafe (kedai)	PBT	
31	Kafe (sidestall)	PBT	
32	Gerai makanan dan minuman (termasuk gerai di kompleks perniagaan / pawagam)	PBT	
33	Kantin kilang / Kompleks perniagaan	PBT	
34	Kantin sekolah rendah	PBT	
35	Kantin sekolah menengah	PBT	
36	Restoran 24 jam	PBT	
37	Menjual makanan dan minuman ringan (ais kacang / Air buah, Jagung)	PBT	
38	Menjual kek dan roti	PBT	
39	Menjual kuih muih & biskut	PBT	
40	Gerai aiskrim	PBT	
41	Perkhidmatan menyediakan makanan dan minuman tempahan (Catering)	PBT	
<i>Menjual Barang Runcit Dan Serbaneka</i>			
42	Kedai dampingan (Sidestall & Window stalls)	PBT	
43	Kedai runcit (Barangan kering)	PBT	

LAMPIRAN III

44	Kedai runcit (Barangan basah)	PBT	
45	Menjual barang serbaneka	PBT	
46	Menjual barang kegunaan / keperluan harian	PBT	
47	Menjual barang hemper	PBT	
48	Menjual barang sembahyang / keagamaan	PBT	
49	Menjual buah-buahan	PBT	
50	Menjual makanan / minuman ringan (Berbungkus / tin)	PBT	
51	Menjual aiskrim	PBT	
52	Menjual barang ramuan kek	PBT	
53	Menjual serbuk / perisa minuman (Kopi / teh / koko dll)	PBT	
54	Menjual rempah ratus	PBT	
55	menjual perencah (Cili boh, sos dll)	PBT	
56	Menjual gas	PBT	
57	Menjual coklat (berbungkus)	PBT	
58	Menjual bahan mentah (Hasil laut / Hasil pertanian)	PBT	
59	Menjual makanan sejuk beku (Penyimpan sejuk)	PBT	
60	Menjual daging salai (tidak halal)	PBT	
61	Menjual daging panggang (tidak halal)	PBT	
Tempat mengajar / Pusat Jagaan			
62	Pusat tuisyen	PBT/JBPM	Pendaftaran PPD
63	Institusi Swasta	PBT/JBPM	Pendaftaran PPD
64	Pusat mengajar bahasa	PBT	
65	Latihan minda / Motivasi / Kursus	PBT	
66	Kelas / Latihan Komputer	PBT	
67	Kelas melukis / Kreatif	PBT	
68	Kelas Menari / Aerobik	PBT	
69	Kelas Muzik / Kelas Menyanyi	PBT	

LAMPIRAN III

70	Pusat Yoga & Meditasi / Futsal	PBT	
71	Kelas Feng Shui	PBT	
72	Sekolah Fesyen / Peragaaan / Lakonan	PBT	
73	Sekolah / Kelas Memandu	PBT	
74	Kelas Menjahit	PBT	
75	Akedemi kecantikan / akedemi Gunting rambut	PBT	
76	Sekolah perdagangan	PBT	
77	Pusat latihan memasak	PBT	
Pertanian Dan Peralatan Pertanian			
78	Menjual bunga hidup (Florist)	PBT	
79	menjual pokok bunga dalam pasu	PBT	
80	Lanskap / Tapak semaian (Nursery)	PBT	
81	Menjual peralatan pertanian / Peralatan Lanskap	PBT	
82	Menjual racun rumput & Pokok serta baja	PBT/JBPM	SOKONGAN DARI JABATAN PERTANIAN (Bhg Kawalan Racun Perosak Dan Baja, Negeri Johor)
Menjual Haiwan Peliharaan, Makanan dan Peralatan Haiwan			
83	Menjual akuarium	PBT	
84	Menjual Ikan hiasan	PBT	
85	menjual alat memancing dan lain-lain peralatan memancing	PBT	
86	Menjual tali pukat / Jaring	PBT	
87	Menjual Haiwan peliharaan (Burung / Anjing / Kucing dll)	PBT	Lesen Menjalankan Aktiviti Yang Melibatkan Haiwan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor)
88	Ladang ternakan kuda / ayam / ikan dan lain-lain	PBT	Lesen Menjalankan Aktiviti Yang Melibatkan Haiwan (Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor)
89	Menetas telur ayam	PBT	
90	Menjual makanan haiwan peliharaan	PBT	

LAMPIRAN III

91	Menjual peralatan haiwan	PBT	
Pengurusan Mayat dan Rumah Penyembelihan Binatang			
92	Menjual keranda	PBT	
Menjual Bahan Merbahaya /Kuari			
93	Menjual / menyimpan arang kayu, arang batu, rumput atau bahan-bahan mudah terbakar	PBT/JBPM	
Panggung Wayang			
94	Pawagam / Mini pawagam	PBT/JBPM	
Tempat Hiburan Riadah dan Sukan			
95	Kelab sukan / Gimnasium	PBT	
96	Pusat kecergasan / bina badan / Pertahanan Diri	PBT	
97	Pusat permainan kanak-kanak	PBT	
98	Bowling	PBT	
99	Memancing ikan / udang (kolam memancing)	PBT	
100	Permainan / gelanggang kasut roda	PBT	
101	Gelanggang Ice Skating	PBT	
102	Gelanggang lumba kereta kecil	PBT	
103	Gelanggang Aerobik	PBT	
104	Kelab Rekreasi	PBT	
105	Kelab Golf	PBT	
106	Kelab sukan	PBT	
107	Gelanggang futsal	PBT	
108	Permainan alat kawalan jauh (kereta, Kapal terbang dll)	PBT	
109	Pusat bermain / Latihan Kumpulan Muzik (Jamming)	PBT	
110	Kolam renang	PBT	
Menjual Alat Mainan, Aksesori Sukan dan Hiburan dan Peralatan Muzik			
111	Menjual alat permainan kanak-kanak	PBT	
112	Menjual aksesori permainan alat kawalan jauh	PBT	

LAMPIRAN III

113	Menjual peralatan sukan / Gimnasium	PBT	
114	Menjual peralatan muzik	PBT	
Pusat kecantikan			
115	Pusat Kecantikan, Persolekan, SPA	PBT	
116	Menjual produk persolekan dan kecantikan (Kosmetik)	PBT	
117	Menjual produk menjagaan rambut (Syampu, Gell dll)	PBT	
118	Menjual minyak wangi	PBT	
119	Perkhidmatan Tatoo	PBT	
Perubatan, Rawatan, menjual Barang dan Peralatan Kesihatan Serta Makmal			
120	Kedai ubat / Menjual ubat tradisional	PBT	Surat sokongan dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Bahagian Perkhidmatan Farmasi)
121	Farmasi	PBT	Surat sokongan dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Bahagian Perkhidmatan Farmasi)
122	Menjual jamu / Herba tradisional	PBT	
123	Menjual makanan kesihatan / organik	PBT	
124	Menjual peralatan urut dan perkhidmatan mesin / Kerusi urut	PBT	
125	Menjual peralatan perubatan / Hospital	PBT	
126	Menjual kaki palsu	PBT	
